

80 peserta kursus terima manfaat program empower ECER

Berita Harian (National) 9/3/20 (Khamis) n/s : 18

Kuantan: Seramai 80 peserta di daerah ini dan Pekan menerima kit permulaaan peralatan bakeri dan pastri serta sijil penghargaan di Kolej Komuniti, di sini, Jumaat lalu.

Program Latihan Kemahiran dan Keusahawanan anjuran Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) melalui penyedia perkhidmatan, UMP Advanced Education dianjurkan bagi melahirkan lebih ramai usahawan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) serta usahawan mikro.

Kerjasama erat juga dilaksanakan bersama institusi penyedia latihan iaitu Kolej Komuniti Kuantan bagi menyediakan tenaga pengajar bertaualah kepada peserta empower ECER.

Mereka yang dipilih mengikuti program itu membabitkan golongan B40 termasuk suri rumah, ibu tunggal, belia dan penganggur.

Peserta menjalani kursus jangka pendek secara praktikal atas bakeri dan pastri serta barista pada setiap Sabtu dan Ahad mulai November tahun lalu hingga Mac lalu secara percuma.

Pengarah Kolej Komuniti Kuantan, Mohd Yusof Zakaria, berkata pihaknya berbesar hati menjadi rakan kerjasama dalam memberi latihan kursus kemahiran dan keusahawanan kepada masyarakat



Mohd Yusof menyampaikan kit peralatan dan sijil penghargaan kepada peserta kursus bakeri dan pastri sambil diperhatikan Mohd Mazlan (dua dari kiri) dan Abdul Aziz di Kolej Komuniti Kuantan, baru-baru ini.

setempat.

Katanya, ini kali kedua jalinan kerjasama antara UMP Advanced dan Kolej Komuniti dilaksana-

kan. Beliau berkata, peserta perlu meneruskan kerjaya sebagai usahawan supaya kemahiran diterima selama lima bulan terus dikembangkan dan memberi impak besar kepada masyarakat.

"Pada masa sama, saya mengalu-alukan peserta yang mempunyai kepakaran dalam bidang ba-

Inisiatif murni ini harus diteruskan supaya lebih ramai komuniti menceburい bidang keusahawanan.

**Mohd Yusof Zakaria,
Pengarah Kolej Komuniti
Kuantan**

keri dan pastri serta sebagainya menyumbang kemahiran untuk kumpulan lain dengan diberikan insentif.

"Inisiatif murni ini harus diteruskan supaya lebih ramai komuniti menceburい bidang keusahawanan dalam menjana pendapatan untuk meningkatkan taraf ekonomi keluarga" katanya.

Yang turut hadir, Pengurus Besar ECERDC Pejabat Wilayah Pahang, Datuk Mohd Mazlan Sharudin dan Pengarah Projek Ja-

batan Sosioekonomi dan Projek Khas UMP Advanced, Prof Ma-dya Dr Abdul Aziz Mohd Azo-ddein.

Sementara itu, peserta dari Pe-ramu Pekan, Nurul Shuhada Mo-hd Khan, 32, berkata program em-power ECER membantunya menjana pendapatan untuk diri dan keluarga.

"Saya memilih menceburい bi-dang bakeri dan pastri kerana mi-nat mendalam dalam pembuatan kek. Sebelum ini saya hanya te-rima tempahan kok daripada ra-kam sekitar Pekan.

"Kini selepas mengikuti kursus empower ECER, saya meluaskan skop perniagaan dengan mempel-bagalkan produk seperti kek un-tuk majlis kerahan, muffin, kek cawan, pelbagai jenis puding, cen-derahati dan pelbagai lagi.

"Penggunaan medium digital seperti WhatsApp, Facebook dan Instagram sangat membantu saya mengiklankan produk serta menarik lebih ramai pelanggan te-rutama sekitar Kuantan dan Pe-kan," katanya.

Sebelum ini, pendapatan dite-rimanya kurang RM1,000 sebulan, tetapi kini meningkat antara RM5,000 hingga RM8,000 sebulan.

Katanya, segala ilmu dan sum-bangan kit peralatan akan di-manafatkan sebaik mungkin untuk memenuhi hasrat membuka ke-dai kek suatu hari nanti.